



23 Disember 2019
23 December 2019
P.U. (A) 357

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN (PINDAAN) (NO. 2) 2019

SERVICE TAX (AMENDMENT) (NO. 2) REGULATIONS 2019

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN (PINDAAN) (NO. 2) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 91 Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [Akta 807], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan (Pindaan) (No. 2) 2019**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2020.

Pindaan Jadual Pertama

2. Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 [*P.U. (A) 214/2018*] dipinda dalam Jadual Pertama—

(a) dalam perenggan 8—

(i) dengan menomborkan semula peruntukan sedia ada sebagai subperenggan (1); dan

(ii) dengan memasukkan selepas subperenggan (1) sebagaimana yang dinomborkan semula subperenggan yang berikut:

“(2) Walau apa pun subperenggan (1), jika suatu syarikat memberikan mana-mana perkhidmatan bercukai kepada orang lain di luar kumpulan syarikat, perkhidmatan bercukai yang sama yang diberikan kepada mana-mana syarikat di dalam kumpulan syarikat itu hendaklah tidak menjadi suatu perkhidmatan bercukai, dengan syarat bahawa jumlah nilai perkhidmatan bercukai kepada orang di luar kumpulan syarikat itu dalam bulan itu dan sebelas bulan sebaik sahaja selepas bulan itu tidak melebihi suatu jumlah yang

bersamaan dengan lima peratus daripada jumlah nilai perkhidmatan bercukai.”;

(b) dalam Kumpulan G—

(i) dalam ruang (1)—

(A) dalam subbutiran 7(a), dengan memotong perkataan “atau” di hujung subbutiran itu;

(B) dalam subbutiran 7(b), dengan menggantikan perkataan “badan berkanun;” dengan perkataan “badan berkanun; atau”;

(C) dengan memasukkan selepas subbutiran 7(b) subbutiran yang berikut:

“(c) mana-mana pusat latihan atau pusat tunjuk ajar—

(i) yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan;

(ii) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat; atau

(iii) yang diiktiraf oleh mana-mana persatuan kebangsaan orang kurang upaya yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia.”; dan

(D) dengan memasukkan selepas butiran 11 butiran yang berikut:

“12. Mana-mana orang yang mengendalikan platform dalam talian atau tempat pasaran.”; dan

(ii) dalam ruang (2)—

(A) dalam subsubbutiran (g)(ii)(B), dengan menggantikan noktah di hujung subsubbutiran dengan koma bernoktah;

(B) dengan memasukkan selepas subbutiran (g)(ii) subbutiran yang berikut:

“(iii) penyediaan perkhidmatan latihan atau perkhidmatan tunjuk ajar yang diberikan kepada seorang yang memegang Kad OKU yang sah yang dikeluarkan di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008 [*Akta 685*].”; dan

(C) dalam butiran (h), dengan menggantikan perkataan “perkhidmatan teknologi maklumat,” dengan perkataan “perkhidmatan teknologi maklumat termasuk mengedarkan atau menjual semula perkhidmatan teknologi maklumat bagi pihak mana-mana orang”; dan

(D) dengan memasukkan selepas butiran (k) butiran yang berikut:

“(l) Penyediaan medium elektronik yang membolehkan pembekal untuk menyediakan bekalan kepada pelanggan.

(m) Penyediaan perkhidmatan digital termasuk transaksi bagi penyediaan perkhidmatan digital bagi pihak mana-mana orang.”; dan

(c) dalam Kumpulan I—

- (i) berhubung dengan butiran 2 dalam ruang (1), dalam ruang (2), dengan memasukkan selepas butiran (b) butiran yang berikut:

“(c) Penyediaan perkhidmatan digital.”; dan

- (ii) berhubung dengan butiran 8 dalam ruang (1), dalam ruang (2), dengan menggantikan perkataan “perkhidmatan pengiklanan” dengan perkataan “jenis perkhidmatan pengiklanan termasuk perkhidmatan pengiklanan digital”.

Dibuat 20 Disember 2019

[Perb: MOF.TAX(S)700-1/2/27; PN(PU2)752/III]

LIM GUAN ENG
Menteri Kewangan

SERVICE TAX ACT 2018

SERVICE TAX (AMENDMENT) (NO. 2) REGULATIONS 2019

IN exercise of the powers conferred by section 91 of the Service Tax Act 2018 [*Act 807*], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Service Tax (Amendment) (No. 2) Regulations 2019**.

(2) These Regulations come into operation on 1 January 2020.

Amendment of First Schedule

2. The Service Tax Regulations 2018 [*P.U. (A) 214/2018*] are amended in the First Schedule—

(a) in paragraph 8—

(i) by renumbering the existing provision as subparagraph (1); and

(ii) by inserting after subparagraph (1) as renumbered the following subparagraph:

“(2) Notwithstanding subparagraph (1), where a company provides any taxable service to another person outside the group of companies, the same taxable service provided to any company within the group of companies shall not be a taxable service, provided that the total value of taxable services to another person outside the group of companies in that month and the eleven months immediately succeeding that month does not exceed an amount equal to five per cent of the total value of taxable services.”;

(b) in Group G—

(i) in column (1)—

(A) in subitem 7(a), by deleting the word “or” at the end of the subitem;

(B) in subitem 7(b), by substituting for the words “statutory bodies;” the words “statutory bodies; or”;

(C) by inserting after subitem 7(b) the following subitem:

“(c) any training centre or coaching centre—

(i) registered with the Ministry of Health;

(ii) registered with the Social Welfare Department; or

(iii) recognized by any national association for persons with disabilities registered with the Registrar of Societies Malaysia.”; and

(D) by inserting after item 11 the following item:

“12. Any person who operates online platform or market place.”; and

(ii) in column (2)—

(A) in subsubitem (g)(ii)(B), by substituting for the full stop at the end of the subsubitem a semicolon;

(B) by inserting after subitem *(g)*(ii) the following subitem:

“(iii) provision of training services or coaching services provided to a person who holds a valid Kad OKU issued under the Persons with Disabilities Act 2008 [*Act 685*].”;

(C) in item *(h)*, by substituting for the words “information technology services,” the words “information technology services including distributing or reselling of information technology services on behalf of any person”; and

(D) by inserting after item *(k)* the following items:

“(l) Provision of electronic medium that allows the suppliers to provide supplies to customers.

(m) Provision of digital services including transaction for provision of digital services on behalf of any person.”; and

(c) in Group I—

(i) in relation to item 2 in column (1), in column (2), by inserting after item *(b)* the following item:

“(c) Provision of digital services.”; and

(ii) in relation to item 8 in column (1), in column (2), by substituting for the words “advertising services” the words “types of advertising services including digital advertising services”.

Made 20 December 2019
[Perb: MOF.TAX(S)700-1/2/27; PN(PU2)752/III]

LIM GUAN ENG
Minister of Finance